

Sabah boleh kaya semula - PM

U.M. 31 MAY 1993

Oleh RUHAIDINI
ABD. KADIR

KOTA KINABALU 30 Mei — Perdana Menteri, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat akan mengembalikan semula imej Sabah sebagai salah sebuah negeri terkaya di Malaysia seperti suatu masa dahulu sekiranya Barisan Nasional (BN) kembali memerintah.

Katanya, janji tersebut hanya boleh dipenuhi dengan syarat rakyat Sabah memilih semula Kerajaan BN.

Dr. Mahathir berkata, beliau memberi jaminan, sekiranya BN memerintah negeri ini, Kerajaan Pusat akan memberi bantuan yang secukupnya untuk menentukan kejayaan Sabah.

"Sabah yang mempunyai sumber kekayaan

memerlukan pemerintah yang baik kerana parti memerintah yang ada iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS), tidak dapat menadbir dan membangunkan negeri ini dengan baik," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung Ke-2, Parti Liberal Demokratik (LDP) Sabah, di Dewan Sekolah Menengah Kian Kok, di sini pagi ini.

LDP merupakan parti komponen BN Sabah selain UMNO, Angkatan Keadilan Rakyat (AKAR) dan MCA.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, kenyataan beliau itu bukanlah satu janji politik tetapi merupakan satu janji terbuka yang akan ditunaikan.

"Kita tidak buat janji secara main-main, kalau kita janji kita akan tu-

■ Lihat muka 2

Sabah boleh kaya semula — PM

U.M. 31 MAI 1993

naikan," katanya.

Menurut beliau, keadaan di Sabah sekarang amat sukar kerana kerajaan PBS tidak berupaya membangunkan negeri ini dengan baik dan pemimpinnya pula terdiri daripada mereka yang mementingkan diri sendiri.

Dr. Mahathir berkata, sepatutnya Sabah hari ini menjadi sebuah negeri yang terkaya di Malaysia kerana ia mempunyai sumber kekayaan.

Malangnya, kata Perdana Menteri, apabila PBS memerintah bukan sahaja negeri itu tidak lagi kaya, tetapi rakyatnya terpaksa 'lari' ke Sarawak dan negeri lain di Semenanjung Malaysia untuk mencari pekerjaan.

"Saya masih ingat, dahulu, orang Sabah bawa wang tunai dalam beg. Mereka belanja minum kopi RM1, tetapi baki duit RM10 tidak diambil...orang Semenanjung hanya terliur.

"Hari ini, PBS kata Sabah tidak maju kerana Kerajaan Pusat tak tolong, kenapa kita nak tolong dia (kerajaan negeri), dia tak pernah tolong kita, dia maki kita, kata macam-macam, dia nak bawa Sabah keluar dari Malaysia, apa sebab kita nak tolong dia," katanya.

Menurut beliau, walaupun tidak mungkin Sabah keluar dari Malaysia namun sentimen ingin mengekalkan pengasingan itu masih wujud.

"Kita nampak Pairin sengaja membangkitkan sentimen Sabah untuk orang Sabah sebagai usaha pengasingan itu dan ia merupakan propaganda kerajaan negeri yang sengaja mahu membangkitkan perasaan anti-Semenanjung," katanya.

Perdana Menteri menambah, apa yang dimaksudkan oleh Pairin sebagai Sabah untuk orang Sabah ialah 'Sabah untuk Pairin, keluarga dan kawan-kawannya'.

"Sebenarnya, dia cuba untuk mengutamakan satu kaum sahaja di Sabah ini, iaitu kaum Kadazan, tetapi di antara Kadazan pun ada yang tak dapat apa-apa, yang dapat ialah siapa yang dekat dengannya dan yang menyokongnya, Kadazan yang tak sokong tak dapat," katanya.

Katanya, dalam keadaan di mana negara Malaysia sedang menikmati kemajuan, Kelantan dan Sabah masih ketinggalan kerana pemerintahannya yang tidak cekap dan lebih mengutamakan kepentingan peribadi.

Dalam hubungan ini, Dr. Mahathir berkata, rakyat Sabah dan Kelantan terpaksa berhijrah ke Semenanjung dan Sarawak untuk mencari peluang pekerjaan kerana kerajaan negeri yang memerintah tidak mengutamakan rakyat, sebaliknya mengutamakan diri sendiri.

"Tetapi, kalau Kerajaan BN yang berjanji, kita akan tunaikan. Kita janji nak bangunkan industri pelancongan negara, hari ini, industri pelancongan menjadi industri pelancongan yang besar. Kita janji untuk membangunkan Langkawi, hari ini Langkawi menjadi pusat pelancongan yang besar dan kita janji untuk membangunkan Labuan, hari ini Labuan sudah maju. Sabah tak boleh buat, tetapi kita boleh buat," katanya.

Beliau menambah, kerajaan BN yang pernah ditertawakan apabila bercadang untuk mengadakan industri kereta dapat membuktikan rancangan mereka menjadi kenyataan dan berjaya mengatasi pasaran antarabangsa.

"Apabila kita sebut nak buat kereta sendiri, ramai yang ketawa dan bertanya apa yang Malaysia tahu pasal kereta. Ada yang mencadangkan kereta Malaysia macam kereta lembu.

"Hari ini, 'kereta lembu' yang ditertawakan itu adalah di antara yang paling laris di England," katanya.

Jelas Dr. Mahathir, Kerajaan BN tidak akan berjanji kalau tidak boleh tepati janji tersebut dan BN akan menepati janjinya untuk mengadakan sebuah kerajaan yang dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Sabah.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Penerangan Malaysia, Dato' Mohamed Rahmat, Timbalan Menteri Penerangan, Railey Jeffrey, Ahli Dewan Undangan Negeri Lumadan, Dayang Mahani Tun Ahmad Raffae, Ahli Dewan Undangan Negeri Bongawan, Karim Bujang, Ahli Dewan Undangan Negeri Sulaman, Hajiji Mohd. Nor.

Sebelum itu, Presiden Parti Liberal Demokratik (LDP), Chong Kah Kiat, berkata, masanya telah tiba bagi rakyat Sabah bangun dan menentang apa yang didakwanya "kepalsuan" pemerintahan PBS.

"Ini hanya dapat dilakukan dengan mengembalikan kerajaan sekarang kepada BN," kata beliau.

Chong juga mendakwa Sabah kehilangan pendapatan berjuta-juta ringgit daripada hasil eksport balak yang diisytiharkan di bawah harga pasaran.

Beliau juga mempersoalkan tindakan Kerajaan PBS menggantikan sijil Amanah Rakyat Sabah dengan sijil Amanah Rakyat Negeri Sabah yang dikeluarkan oleh sebuah syarikat yang tidak mempunyai sebarang harta dan konsesi balak.

Beliau menyifatkan perbuatan itu sebagai merampas saham rakyat Sabah dalam Yawasan Sabah